

Headline	Faizal kembali berlatih bersama skuad negara		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	29 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	95
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 6,438		



## Faizal kembali berlatih bersama skuad negara

**Kuala Lumpur:** Selepas sekian lama menyepi berikutan memenuhi hukuman penggantungan, penyerang sensasi negara Faizal Saari kini mula serius untuk cuba kembali semula bersama skuad negara dengan usaha pertamanya menyertai sebuah kelab di Bangladesh untuk saingan Piala Kelab Hoki Bangladesh.

Menerusi penyertaan bersama kelab Usha Krira Chakra itu, Faizal berharap da-

pat mencari semula skil sen tuhan di atas padang sebelum meneruskan aksi di Piala Tun Abdul Razak bermula 21 Mei depan yang dijangka menjadi medan untuk ketua jurulatih skuad negara Stephen Van Huizen melakukan pemilihan semula pemain.

Faizal akan menyertai pasukan itu selama 10 hari bersama-sama dua lagi pemain iaitu tonggak pertahanan Maybank Mohd

Zulhairi Hashim dan Syed Syafiq Syed Cholan (Tenaga Nasional Berhad).

“Keputusan saya ini bagi mencari semula momentum untuk menghadapi Piala Tun Abdul Razak. Sebab di situ nanti jurulatih kebangsaan akan menilai prestasi pemain.

“Ini peluang terbaik buat saya untuk meyakinkan pengurusan pasukan kebangsaan bahawa saya dapat dipanggil semula,”

katanya.

Dua bekas pemain kebangsaan yang juga pasangan adik beradik Jiwan Mohan dan Jivan Mohan turut menyertai saingan di Bangladesh bersama kelab Mariner Young.

Pemain berusia 24 tahun itu dikenakan hukuman selama enam bulan tidak boleh beraksi bersama skuad kebangsaan sehingga Jun ini selepas gagal menghadiri sesi latihan skuad negara.